



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2010

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI  
KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010**

**Pengesahan Penyata Kewangan  
Dan Prestasi Kewangan  
Badan Berkanun Persekutuan**

**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

# **KANDUNGAN**

# KANDUNGAN

Muka Surat

<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>PENGENALAN</b>	xii
<b>PENYATA KEWANGAN</b>	
1. <b>PENDAHULUAN</b>	3
2. <b>PENYERAHAN DAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN</b>	4
2.1 Persijilan Penyata Kewangan	5
2.2 Pembentangan Penyata Kewangan Di Parlimen	7
3. <b>PRESTASI KEWANGAN</b>	8
3.1 Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh	8
3.1.1 Analisis Pendapatan	9
3.1.2 Geran Mengurus	11
3.1.3 Pendapatan Janaan Sendiri	13
3.1.4 Analisis Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	14
3.1.5 Analisis Kumpulan Wang Terkumpul	17
3.1.6 Analisis Aset	19
3.1.7 Analisis Liabiliti	23
3.1.8 Analisis Tanggungan Luar Jangka	25
3.2 Prestasi Penggunaan Geran Pembangunan	26
3.3 Prestasi Syarikat Subsidiari	28
3.4 Rumusan	28
<b>PENUTUP</b>	33
<b>LAMPIRAN A</b>	
SENARAI KEMENTERIAN, BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN	37

# **KATA PENDAHULUAN**

## KATA PENDAHULUAN

1. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Menteri berkenaan hendaklah membentangkan di Parlimen dengan seberapa segera Penyata Kewangan yang telah diaudit berserta Laporan Tahunan Badan Berkanun Persekutuan. Selaras dengan peruntukan Akta ini dan Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
2. Mulai tahun 2006, Jabatan Audit Negara telah menyediakan Laporan Badan Berkanun Persekutuan secara berasingan iaitu Laporan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan serta Laporan Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Laporan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan adalah untuk melaporkan kedudukan terkini mengenai penyerahan dan pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan tahun 2010. Laporan ini hanya dapat disediakan selepas semua Badan Berkanun Persekutuan menyerahkan Penyata Kewangannya untuk diaudit dan selepas Sijil Audit dikeluarkan.
3. Pada tahun 2011, sebanyak 129 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan termasuk Kumpulan Wang Persekutuan bagi tahun kewangan 2010 telah diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Sijil Tanpa Teguran telah dikeluarkan kepada 126 penyata kewangan tahun 2010 dan 3 daripada penyata kewangan tersebut telah diberikan Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*. Selain itu, sebanyak 3 penyata kewangan lagi telah diberikan Sijil Berteguran. Ini adalah disebabkan Badan Berkanun Persekutuan berkenaan tidak mematuhi piawaian perakaunan, undang-undang dan peraturan tertentu semasa menyediakan penyata kewangan serta rekod berkaitan tidak lengkap dan tidak teratur.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya

8 November 2011

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

1. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), Badan Berkanun Persekutuan adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun Persekutuan merupakan badan atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.
2. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang memperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act 1969* (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh membuat pinjaman, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, kumpulan wang, akaun amanah dan melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala sebahagian lagi membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.
3. Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur sendiri serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan piawaian perakaunan yang diterima umum. Badan Berkanun Persekutuan adalah tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan sebarang pekeliling kerajaan kecuali yang khusus berkaitannya. Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan disedia berdasarkan asas akruan bagi setiap tahun kewangan berakhir 31 Disember kecuali satu Badan Berkanun Persekutuan yang berakhir pada 30 Jun. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan

Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengaudit penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957. Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktivitinya kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen dengan segera.

4. Sehingga bulan September 2011, sebanyak 119 Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga mengaudit 11 Kumpulan Wang Persekutuan. Senarai Badan Berkanun Persekutuan dan Kumpulan Wang Persekutuan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

# **PENYATA KEWANGAN**

## **PENYATA KEWANGAN**

### **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Pada tahun 2011, sebanyak 119 Badan Berkanun Persekutuan perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Selain itu, Ketua Audit Negara juga mengaudit 11 Kumpulan Wang Persekutuan. Pada bulan Ogos 1999, Jemaah Menteri telah memberi pengecualian kepada Perbadanan Padang Golf Subang daripada menyedia dan membentangkan penyata kewangan serta laporan aktivitinya bagi tahun 1968 hingga 1999. Perbadanan dinasihatkan memohon pengecualian Jemaah Menteri daripada menyedia dan membentangkan penyata kewangan serta laporan aktivitinya bagi tahun 2000 hingga 2010. Setakat 30 September 2011, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Sijil Audit terhadap 129 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dan Kumpulan Wang Persekutuan tahun 2010. Penyata kewangan bagi 2 Badan Berkanun Persekutuan iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Suruhanjaya Tenaga (ST) adalah pengauditan kali pertama dalam tahun ini.
- 1.2 Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara mengaudit 21 daripada 129 penyata kewangan tahun 2010 manakala baki 108 penyata kewangan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.
- 1.3 Jabatan Audit Negara telah menerima pakai Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 dengan mematuhi Prosedur Kualiti dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi memastikan pengauditan dilaksanakan dengan berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam Prosedur Kualiti dan Garis Panduan tersebut adalah panduan penyediaan Memorandum Perancangan Audit, pemantauan terhadap pengauditan yang dilaksanakan oleh firma audit swasta, proses semakan semula kertas kerja dan penyediaan Sijil Ketua Audit Negara.

## **2. PENYERAHAN DAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 yang menghendaki penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dikemukakan tidak lewat dari 30 April tahun berikutnya. Ini bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk membentangkan penyata kewangan pada tahun yang sama. Selaras dengan pekeliling ini, Jabatan Audit Negara telah menetapkan penyata kewangan hendaklah disahkan dalam tempoh 4 bulan selepas tarikh penerimaannya.

Sebanyak 123 penyata kewangan telah diterima sebelum 30 April 2011 manakala 6 Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 Jun 2011. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1  
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG LEWAT MENGEUKAKAN  
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN 2010**

NAMA AGENSI	TARIKH MENGEUKAKAN PENYATA KEWANGAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	SEBAB KELEWATAN
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP)	10.05.2011	10	Tidak tertakluk kepada Akta 240.
Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru (KWSG)	31.05.2011	31	Pengiraan kadar dividen lewat diterima daripada pihak Aktuari.
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)	31.05.2011	31	Pegawai Utama diarahkan bertugas ke luar negara dan pegawai yang bertanggungjawab mengambil cuti sakit kerana menjalani pembedahan.
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	31.05.2011	31	Sistem SAGA yang mula diguna pakai pada 1 Julai 2010 didapati tidak stabil dan memerlukan tindakan pembetulan oleh vendor.
Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang	16.06.2011	47	Firma Aktauntan yang baru dilantik tidak dapat menyediakan penyata kewangan mengikut tempoh yang ditetapkan.
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	29.06.2011	60	Kesukaran mengesahkan angka yang dijana daripada sistem SAGA dan Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan penangguhan penyerahan penyata kewangan MADA sehingga 30 Jun 2011.

## **2.1 PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN**

2.1.1 Berdasarkan pengauditan terhadap 129 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dan Kumpulan Wang Persekutuan bagi tahun kewangan 2010, sebanyak 126 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 3 penyata kewangan Sijil Berteguran. Kedudukan jenis sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara berdasarkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dan Kumpulan Wang Persekutuan bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2  
KEDUDUKAN JENIS SIJIL YANG DIKELUARKAN  
BAGI PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

JENIS SIJIL	TAHUN		
	2008	2009	2010
Tanpa Teguran	128	127	126
Berteguran	1	-	3
<b>JUMLAH</b>	<b>129</b>	<b>127</b>	<b>129</b>

2.1.2 Selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan, Ketua Audit Negara mengeluarkan 4 jenis sijil seperti berikut:

- a. Sijil Tanpa Teguran apabila penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama.
- b. Sijil Berteguran apabila kesan sebarang perbezaan pendapat dengan pengurusan atau kekangan terhadap skop adalah tidak begitu material dan menyeluruh untuk mengeluarkan Sijil *Adverse* ataupun *Disclaimer*.
- c. Sijil *Adverse* apabila kesan perbezaan pendapat adalah material dan menyeluruh terhadap penyata kewangan, mewujudkan kekeliruan ataupun ketidak sempurnaan penyata kewangan dan seterusnya tidak memberi gambaran benar dan saksama.
- d. Sijil *Disclaimer* apabila kesan yang mungkin timbul oleh kekangan terhadap skop adalah material dan menyeluruh menyebabkan bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan.

2.1.3 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang dikeluarkan Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* adalah bagi Lembaga Pelabuhan Kelang, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia manakala Sijil Berteguran dikeluarkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia, Perbadanan Aset Keretapi dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

2.1.4 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang dikeluarkan Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan Sijil Berteguran oleh Ketua Audit Negara adalah seperti berikut:

#### **2.1.4.1 Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter***

##### **a. Lembaga Pelabuhan Kelang**

Liabiliti jangka panjang Lembaga Pelabuhan Kelang sehingga 31 Disember 2010 adalah berjumlah RM3.49 bilion yang perlu dibayar sehingga tahun 2012. Berdasarkan kepada prestasi kewangan semasa, keupayaan Lembaga Pelabuhan Kelang untuk menjelaskan liabiliti jangka panjang adalah bergantung kepada penstrukturan semula terma dan syarat perjanjian pinjaman serta sokongan kewangan daripada Kerajaan.

##### **b. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran**

Baki penghutang pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran adalah berjumlah RM925.89 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM552.32 juta atau 60% adalah tunggakan sejak tahun 2001. Ini memberi kesan yang besar terhadap kedudukan aliran tunai semasa akibat ketidakcukupan dana untuk membiayai pinjaman latihan kemahiran pada masa hadapan.

##### **c. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia**

Sehingga 31 Disember 2010, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia terus membiayai Permodalan YaPEIM Sdn. Berhad sejumlah RM98.34 juta walaupun syarikat subsidiari tersebut mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM24.60 juta. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia perlu mengkaji semula jumlah pembiayaan tersebut memandangkan ia juga telah membuat rosot nilai bagi pelaburan berjumlah RM13.25 juta kepada RM1.00.

#### **2.1.4.2 Sijil Berteguran**

##### **a. Lembaga Lebuhraya Malaysia**

- Lembaga Lebuhraya Malaysia telah kehilangan wang faedah pelaburan simpanan tetap berjumlah RM1.01 juta yang merangkumi faedah bagi tahun 2009 dan 2010 kerana kelemahan kawalan dalam.

- Pembatalan cek berjumlah RM33.30 juta merupakan cek belum dikemukakan bagi tempoh 2004 hingga 2010 yang tidak dapat disahkan kerana tidak dikemas kini dalam daftar yang berkaitan.
- Baki pendahuluan projek berjumlah RM405.23 juta tidak dapat disahkan kerana berbeza dengan baki yang ditunjukkan di rekod.

**b. Perbadanan Aset Keretapi**

- Perbezaan berjumlah RM4.78 bilion bagi Kerja Dalam Pelaksanaan yang ditunjukkan oleh rekod Perbadanan Aset Keretapi dan Keretapi Tanah Melayu Berhad.
- Baki geran berjumlah RM13.92 bilion tidak dapat disahkan.
- Tanah berjumlah RM295 juta telah dinilai semula tetapi dijual dengan harga RM200 juta dan pelarasan bagi penjualan tersebut tidak dibuat kerana kos tanah sebelum penilaian tidak dapat dikenal pasti.
- Baki pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan terlebih catat berjumlah RM19.75 juta.

**c. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional**

Pembentangan Pendidikan berjumlah RM5.47 bilion dan Pelbagai Pemiutang Insuran Pelajar berjumlah RM20.64 juta tidak dapat disahkan kerana wujudnya perbezaan antara lejar am dan senarai nama peminjam dan pemiutang. Perbezaan berpunca daripada sistem yang sedang dinaik taraf iaitu *End To End Financing System* (ETEFS) kepada Sistem Pengurusan Pinjaman Pendidikan (ELMAS) yang dijangka selesai pada bulan Oktober 2011.

## **2.2 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DI PARLIMEN**

Mengikut Seksyen 7 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan bersama Laporan Aktiviti kepada Menteri dalam tempoh satu bulan selepas menerima penyata kewangan yang telah diaudit. Menteri kemudianya dikehendaki membentangkan penyata tersebut di Parlimen dengan segera. Setakat bulan September 2011, kebanyakan Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan Tahun 2010 Badan Berkanun Persekutuan yang telah diaudit sedang dalam proses pembentangan di Parlimen. Jabatan Audit Negara akan memantau status pembentangan penyata kewangan di Parlimen. Sehingga 30 September 2011, terdapat satu Badan Berkanun Persekutuan iaitu Perbadanan Stadium Malaysia masih belum membentangkan penyata kewangan tahun 2009 walaupun Sijil Audit telah dikeluarkan pada tahun 2010.

### **3. PRESTASI KEWANGAN**

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan syarikat subsidiari dilaporkan seperti berikut:

#### **3.1 PRESTASI KEWANGAN SECARA MENYELURUH**

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah berdasarkan penyata kewangan 118 Badan Berkanun Persekutuan tahun 2010. Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan dilapor mengikut Kementerian berdasarkan analisis pendapatan, prestasi pemberian geran, pendapatan janaan sendiri, lebihan/(kurangan) pendapatan, kumpulan wang terkumpul, aset dan liabiliti serta tanggungan luar jangka. Di samping itu, prestasi 143 syarikat subsidiari milik 46 Badan Berkanun Persekutuan turut dilaporkan. Perubahan angka perbandingan juga dibuat selepas mengambil kira prestasi kewangan Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang yang tidak diambil kira kerana penyata kewangan lewat dikemukakan, Suruhanjaya Tenaga yang baru diaudit Jabatan Audit Negara pada tahun 2010 dan pelarasian tahun lepas yang dibuat oleh Badan Berkanun Persekutuan yang berkaitan. Analisis Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian pada tahun 2010 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3  
ANALISIS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2010**


KEMENTERIAN	BILANGAN BBP
Belia dan Sukan	2
Jabatan Perdana Menteri	10
Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	7
Kerja Raya	2
Kesihatan Malaysia	1
Kewangan	12
Pelajaran Malaysia	3
Pelancongan	1
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2
Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	5
Pengajian Tinggi	23
Pengangkutan	11
Perdagangan Antarabangsa dan Industri	4
Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	4
Pertahanan	4
Pertanian dan Industri Asas Tani	8
Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1

KEMENTERIAN	BILANGAN BBP
Perusahaan Perladangan dan Komoditi	8
Sains, Teknologi dan Inovasi	1
Sumber Asli dan Alam Sekitar	3
Sumber Manusia	2
Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	2
Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar	2
<b>JUMLAH</b>	<b>118</b>

### 3.1.1 Analisis Pendapatan


3.1.1.1 Pada tahun 2010, pendapatan Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM78.69 bilion. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM4.19 bilion atau 5.6% berbanding RM74.50 bilion pada tahun 2009. Daripada jumlah pendapatan tersebut, pendapatan janaan sendiri merangkumi sejumlah RM63.68 bilion atau 80.9% berbanding geran mengurus sejumlah RM15.01 bilion atau 19.1%. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan mengikut kategori pada tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 1**  
**PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KATEGORI PADA TAHUN 2009 DAN 2010**



3.1.1.2 Pada tahun 2010, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memperoleh pendapatan tertinggi sejumlah RM45.45 bilion, diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi sejumlah RM10.78 bilion, Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM7.66 bilion dan Kementerian Sumber Manusia sejumlah RM2.93 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian lain pula merangkumi

RM11.87 bilion daripada jumlah keseluruhan pendapatan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2010. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:




3.1.1.3 Peningkatan pendapatan yang diperoleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan adalah berjumlah RM1.91 bilion atau 4.4% manakala Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi mengalami penurunan sejumlah RM603.04 juta atau 5.3%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri memperoleh peningkatan sejumlah RM940.74 juta atau 14%. Selain itu, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Manusia mencatatkan peningkatan pendapatan sejumlah RM4.74 juta atau 0.1%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian lain juga memperoleh peningkatan pendapatan sejumlah RM1.94 bilion atau 19.5%.

### 3.1.2 Geran Mengurus

3.1.2.1 Geran mengurus diberi oleh Kerajaan kepada Badan Berkanun Persekutuan sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Ini termasuk bagi membiayai gaji dan elaun pegawai Badan Berkanun Persekutuan serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan dan pentadbiran.

3.1.2.2 Pada tahun 2010, geran mengurus yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM15.01 bilion iaitu menurun sejumlah RM556.40 juta atau 3.6% berbanding RM15.57 bilion pada tahun 2009. Pada keseluruhannya, penerimaan geran mengurus oleh Badan Berkanun Persekutuan tidak menunjukkan perubahan yang ketara. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi menerima geran mengurus tertinggi berjumlah RM7.80 bilion. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM3.40 bilion, Kementerian Kewangan berjumlah RM1.15 bilion dan seterusnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berjumlah RM636.66 juta. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian lain pula menerima geran mengurus berjumlah RM2.02 bilion. Butiran adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 3**  
**GERAN MENGURUS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2009 DAN 2010**



3.1.2.3 Berdasarkan Carta 3, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi mencatatkan penurunan penerimaan geran mengurus tertinggi sejumlah RM454.31 juta atau 5.5% pada tahun 2010. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian lain turut mengalami penurunan sejumlah RM371.70 juta atau 66.8%. Bagaimanapun, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah mencatatkan peningkatan penerimaan geran sejumlah RM269.61 juta iaitu 8.6%.

3.1.2.4 Analisis mendapati Majlis Amanah Rakyat merupakan penerima geran mengurus tertinggi berjumlah RM3.11 bilion pada tahun 2010. Ini diikuti oleh Universiti Teknologi MARA berjumlah RM1.55 bilion, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berjumlah RM1.14 bilion dan Universiti Kebangsaan Malaysia berjumlah RM953.27 juta.

3.1.2.5 Pada tahun 2010, beberapa Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian lain seperti Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar serta Kementerian Pelancongan telah menerima geran mengurus dengan peratusan yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya.

3.1.2.6 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menerima geran mengurus berjumlah RM153.50 juta berbanding RM245.32 juta pada tahun 2009 dengan penurunan sejumlah RM91.82 juta atau 37.4%. Selain itu, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan pula menerima geran mengurus berjumlah RM452.81 juta berbanding RM579.42 juta pada tahun 2009 dengan penurunan sejumlah RM126.61 juta atau 21.9%.

3.1.2.7 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah menerima geran mengurus berjumlah RM106.99 juta berbanding RM143.98 juta pada tahun 2009 dengan penurunan sejumlah RM36.99 juta atau 25.7%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pula menerima geran mengurus berjumlah RM636.66 juta pada tahun 2010 berbanding RM796.09 juta pada tahun 2009 iaitu penurunan ini adalah sejumlah RM159.43 juta atau 20%.


3.1.2.8 Seperti pada tahun 2009, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya tidak menerima sebarang geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2010.

**3.1.2.9** Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan untuk menampung kos operasi dan melaksanakan aktiviti yang dirancang. Pada tahun 2010, sebanyak 79 daripada 118 Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran mengurus daripada Kerajaan yang merangkumi 19.1% daripada jumlah pendapatan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan manakala 39 Badan Berkanun Persekutuan yang lain tidak menerima geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2010.

### **3.1.3 Pendapatan Janaan Sendiri**

**3.1.3.1** Pendapatan janaan sendiri merupakan hasil yang diperoleh daripada aktiviti seperti pelaburan dalam syarikat subsidiari, ekuiti, sekuriti, bon, pengurusan dana, simpanan tetap, pemberian pinjaman, yuran pengajian serta jualan produk dan perkhidmatan. Carta berikut menunjukkan pendapatan janaan sendiri oleh Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian pada tahun 2009 dan 2010.

**CARTA 4**  
**PENDAPATAN JANAAN SENDIRI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2009 DAN 2010**



3.1.3.2 Pada tahun 2010, pendapatan janaan sendiri adalah berjumlah RM63.68 bilion dengan peningkatan sejumlah RM4.75 bilion atau 8.1% berbanding RM58.93 bilion pada tahun 2009. Penyumbang pendapatan janaan sendiri tertinggi adalah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan yang menaja sejumlah RM44.29 bilion pada tahun 2010 iaitu merangkumi 69.6% daripada jumlah keseluruhan pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM7.44 bilion, Kementerian Pengajian Tinggi sejumlah RM2.98 bilion dan Kementerian Sumber Manusia sejumlah RM2.92 bilion. Jumlah keseluruhan pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian lain adalah sejumlah RM6.04 bilion.

3.1.3.3 Pada tahun 2010, sebanyak 8 Badan Berkanun Persekutuan memperoleh pendapatan janaan sendiri melebihi RM1 bilion iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM24.38 bilion, Bank Negara Malaysia berjumlah RM7.48 bilion, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) berjumlah RM4.89 bilion, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan berjumlah RM4.61 bilion, Pertubuhan Keselamatan Sosial berjumlah RM2.91 bilion, Bank Simpanan Nasional berjumlah RM2.44 bilion, Lembaga Tabung Haji berjumlah RM2.06 bilion dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia berjumlah RM1.24 bilion.

### **3.1.4 Analisis Lebihan/(Kurangan) Pendapatan**

3.1.4.1 Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebihan pendapatan berjumlah RM41.31 bilion pada tahun 2010 iaitu peningkatan sejumlah RM257.87 juta atau 0.6% berbanding RM41.05 bilion pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2010, sebanyak 83 Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebihan pendapatan sejumlah RM42.07 bilion berbanding 95 Badan Berkanun Persekutuan yang memperoleh lebihan pendapatan sejumlah RM41.75 bilion pada tahun 2009.


3.1.4.2 Selain itu, sebanyak 35 Badan Berkanun Persekutuan mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM753.25 juta pada tahun 2010 berbanding 23 Badan Berkanun Persekutuan dengan kurangan pendapatan sejumlah RM697.15 juta pada tahun 2009. Prestasi lebihan/(kurangan) pendapatan Badan Berkanun Persekutuan adalah seperti berikut:

**JADUAL 4**  
**PRESTASI LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN**  
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2009 DAN 2010**

TAHUN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MEMPEROLEH LEBIHAN PENDAPATAN		BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MENGALAMI KURANGAN PENDAPATAN		LEBIHAN PENDAPATAN KESELURUHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.	JUMLAH (RM JUTA)
2009	95	41,752.07	23	(697.15)	118	41,054.92
2010	83	42,066.04	35	(753.25)	118	41,312.79
<b>VARIANS</b>	<b>313.97</b>		<b>56.10</b>		<b>257.87</b>	

3.1.4.3 Prestasi Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memperoleh lebihan pendapatan tertinggi sejumlah RM35.28 bilion atau 85.5% daripada jumlah keseluruhan lebihan pendapatan. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM3.41 bilion, Kementerian Sumber Manusia sejumlah RM973.83 juta dan Kementerian Pengajian Tinggi sejumlah RM408.36 juta. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 5**  
**LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2009 DAN 2010**



3.1.4.4 Analisis selanjutnya mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan peningkatan lebahan pendapatan sejumlah RM643.55 juta menjadi RM35.28 bilion berbanding RM34.64 bilion pada tahun 2009. Ini disebabkan peningkatan lebahan pendapatan 6 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian tersebut. Antaranya, peningkatan lebahan pendapatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sejumlah RM2.69 bilion menjadi RM22.31 bilion, Bank Simpanan Nasional sejumlah RM13.37 juta menjadi RM359.93 juta dan Lembaga Hasil Dalam Negeri sejumlah RM127.72 juta menjadi RM186.67 juta pada tahun 2010.

3.1.4.5 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi mengalami penurunan lebahan pendapatan dengan ketara berjumlah RM1.07 bilion atau 72.3% menjadi RM408.36 juta berbanding RM1.48 bilion pada tahun 2009. Ini berikutan penurunan lebahan pendapatan Universiti Teknologi MARA sejumlah RM266.14 juta menjadi RM93.89 juta pada tahun 2010 berbanding sejumlah RM360.02 juta pada tahun 2009. Selain itu, penurunan lebahan pendapatan juga disebabkan 8 daripada 23 Badan Berkanun Persekutuan telah mengalami kurangan pendapatan pada tahun 2010. Penurunan lebahan pendapatan yang ketara adalah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu Pertubuhan Keselamatan Sosial sejumlah RM331.35 juta pada tahun 2010 menjadi RM968.68 juta berbanding RM1.31 bilion pada tahun 2009.

3.1.4.6 Analisis juga menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengalami penurunan lebahan pendapatan. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan telah mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM15.30 juta berbanding lebahan pendapatan sejumlah RM60.41 juta pada tahun 2009 iaitu penurunan sejumlah RM75.71 juta. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia turut mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM25.48 juta berbanding lebahan pendapatan RM6.73 juta pada tahun 2009. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan telah mengalami kurangan pendapatan berjumlah RM115.85 juta menjadi RM177.87 juta pada tahun 2010 berbanding RM62.02 juta pada tahun 2009. Ini disebabkan 4 daripada 11 Badan Berkanun Persekutuan telah mengalami kurangan pendapatan pada tahun 2010.

**3.1.4.7 Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2010 adalah baik dengan peningkatan pendapatan sejumlah RM3.99 bilion atau 5.4% menjadi RM77.38 bilion berbanding RM73.39 bilion pada tahun 2009. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan pendapatan janaan sendiri berjumlah RM63.68 bilion iaitu meningkat sejumlah RM4.75 bilion atau 8.1% berbanding RM58.93 bilion pada tahun 2009. Badan Berkanun Persekutuan juga telah memperoleh**


lebihan pendapatan sejumlah RM41.31 bilion pada tahun 2010 berbanding RM41.05 bilion pada tahun 2009.

### 3.1.5 Analisis Kumpulan Wang Terkumpul


3.1.5.1 Kumpulan Wang Terkumpul Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2010 adalah berjumlah RM247.06 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM28.91 bilion atau 13.3% berbanding RM218.15 bilion pada tahun 2009. Kumpulan wang terkumpul ini terdiri daripada modal berbayar, rizab am, lebihan/(kurangan) pendapatan semasa dan yang dibawa dari tahun sebelumnya. Ini tidak mengambil kira kumpulan wang lain seperti Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan, Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

3.1.5.2 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai kumpulan wang yang tertinggi berjumlah RM89.73 bilion, diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM45.22 bilion, Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM35.14 bilion dan Kementerian Pengangkutan berjumlah RM25.06 bilion. Carta berikut menunjukkan kedudukan Kumpulan Wang Terkumpul Badan Berkanun Persekutuan yang tertinggi mengikut Kementerian pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.

**CARTA 6**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG TERKUMPUL**  
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG TERTINGGI**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2009 DAN 2010**



3.1.5.3 Analisis antara Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan mencatatkan peningkatan kumpulan wang terkumpul yang ketara sejumlah RM83.66 juta atau 121.4% menjadi RM152.59 juta berbanding RM68.93 juta pada tahun 2009, diikuti oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sejumlah RM494.58 juta atau 95% menjadi RM1.02 bilion berbanding RM520.55 juta pada tahun 2009 dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejumlah RM17.08 juta atau 41.1% menjadi RM58.64 juta. Butiran adalah seperti di carta berikut:




3.1.5.4 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan yang mengalami peningkatan kumpulan wang terkumpul tertinggi iaitu sejumlah RM36.59 bilion atau melebihi 100% menjadi RM37.39 bilion berbanding sejumlah RM800.20 juta pada tahun 2009.

3.1.5.5 Peningkatan kumpulan wang terkumpul di bawah Kementerian Pelancongan disumbang oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia iaitu sejumlah RM83.66 juta atau 121.4% menjadi RM152.59 juta berbanding sejumlah RM68.93 juta pada tahun 2009.

3.1.5.6 Analisis menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertahanan mencatat penurunan kumpulan wang terkumpul yang ketara sejumlah RM383.33 juta atau 33.3% menjadi RM768.04 juta berbanding RM1.15 bilion pada tahun 2009. Ini diikuti oleh Kementerian Kerja Raya sejumlah RM127.21 juta atau 19.9% menjadi RM513.29 juta dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sejumlah RM311.34 juta atau 10.1% menjadi RM2.77 bilion. Butiran adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 8**  
**KEDUDUKAN PENURUNAN KUMPULAN WANG TERKUMPUL  
 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN**



3.1.5.7 Analisis antara Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mencatat penurunan kumpulan wang terkumpul paling ketara sejumlah RM10.29 juta atau 667.1% iaitu defisit sejumlah RM11.83 juta berbanding defisit RM1.54 juta pada tahun 2009.


3.1.5.8 Sehingga 31 Disember 2010, kumpulan wang terkumpul bagi Lembaga Lebuhraya Malaysia masih mengalami defisit sejak tahun 2005 iaitu berjumlah RM208.06 juta berbanding defisit RM95.58 juta pada tahun 2009. Memandangkan defisit kumpulan wang terkumpul meningkat setiap tahun, Lembaga Lebuhraya Malaysia perlu mengambil langkah meningkatkan prestasi kewangan supaya tidak menjelaskan usaha berterusan.

### 3.1.6 Analisis Aset

3.1.6.1 Aset Badan Berkanun Persekutuan merupakan aset semasa dan bukan semasa yang terdiri daripada harta tanah dan peralatan, pelaburan syarikat subsidiari dan bersekutu, penghutang, pelaburan jangka pendek, simpanan tetap dan tunai.

3.1.6.2 Pada tahun 2010, aset Badan Berkanun Persekutuan telah mencatat peningkatan sejumlah RM139.62 bilion atau 13.2% menjadi RM1,193.85 bilion berbanding RM1,054.22 bilion pada tahun 2009. Kedudukan aset Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 9**  
**PERATUSAN ASET BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN**




3.1.6.3 Pada tahun 2010, aset Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan merupakan 83.1% daripada aset Badan Berkanun Persekutuan yang berjumlah RM991.97 bilion dan diikuti oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebanyak 4.7% yang berjumlah RM56.02 bilion. Nilai aset tertinggi yang dimiliki oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM445.85 bilion.

3.1.6.4 Analisis antara Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mencatat peningkatan jumlah aset yang ketara iaitu sebanyak 96.7% yang berjumlah RM706.25 juta menjadi RM1.44 bilion berbanding RM730.63 juta pada tahun 2009. Kementerian Pelancongan mencatatkan peningkatan jumlah aset sebanyak 48.4% yang berjumlah RM70.93 juta menjadi RM217.37 juta dan diikuti oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejumlah RM15.19 juta atau 31.4% menjadi RM63.53 juta.

3.1.6.5 Aset utama Badan Berkanun Persekutuan adalah merupakan pelaburan, wang tunai dan simpanan tetap. Pelaburan Badan Berkanun Persekutuan pula terdiri daripada pelaburan ekuiti, pasaran wang, harta tanah, bon, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pemberian pinjaman. Berdasarkan analisis, pelaburan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2010 adalah berjumlah RM795.66 bilion atau 66.6% daripada jumlah keseluruhan aset. Ini menunjukkan peningkatan pelaburan sejumlah RM3.9 bilion atau 0.5% menjadi RM795.66 bilion berbanding RM791.76 bilion pada tahun 2009. Carta berikut menunjukkan pelaburan mengikut Kementerian:

**CARTA 10**  
**PERATUSAN PELABURAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN**




3.1.6.6 Pada tahun 2010, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM744.65 bilion atau 93.6% daripada jumlah keseluruhan pelaburan Badan Berkanun Persekutuan. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah Kementerian Kewangan, mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM357.25 bilion diikuti oleh Bank Negara Malaysia berjumlah RM317.58 bilion.

3.1.6.7 Analisis antara Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi mencatat peningkatan jumlah pelaburan yang ketara melebihi 100% iaitu sejumlah RM67.88 juta menjadi RM96.02 juta berbanding RM28.14 juta pada tahun 2009. Universiti Pendidikan Sultan Idris juga mencatat peningkatan melebihi 100% iaitu sejumlah RM1 juta menjadi RM1.5 juta berbanding RM0.50 juta pada tahun 2009.

3.1.6.8 Komponen aset kedua tertinggi yang dimiliki oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah wang tunai dan simpanan tetap berjumlah RM125.28 bilion yang mewakili 10.5% daripada jumlah aset. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM46.61 bilion atau 59.2% berbanding RM78.67 bilion yang dimiliki pada tahun 2009. Kedudukan wang tunai dan simpanan tetap mengikut Kementerian adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 11**  
**PERATUSAN WANG TUNAI DAN SIMPANAN TETAP**  
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN**



3.1.6.9 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memiliki wang tunai dan simpanan tetap yang tertinggi iaitu RM86.34 bilion atau 68.9%. Bank Negara Malaysia merupakan pemegang wang tunai dan simpanan tetap tertinggi berjumlah RM60.43 bilion diikuti oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) berjumlah RM18.31 bilion.


3.1.6.10 Analisis antara Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mencatatkan peningkatan ketara melebihi 100% yang berjumlah RM698.55 juta menjadi RM1.17 bilion berbanding RM469.14 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini juga diikuti oleh Kementerian Belia dan Sukan iaitu sejumlah RM39.63 juta atau 104.8% menjadi RM77.44 juta berbanding RM37.81 juta pada tahun 2009.

3.1.6.11 Bagaimanapun, analisis antara Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mencatat penurunan yang ketara sejumlah RM486.22 juta atau 25.5% menjadi RM1.42 bilion berbanding RM1.90 bilion pada tahun 2009. Kementerian Kerja Raya juga mencatat penurunan sejumlah RM166.74 juta atau 12.9% menjadi RM1.13 bilion berbanding RM1.29 bilion pada tahun 2009.

### **3.1.7    Analisis Liabiliti**

3.1.7.1    Liabiliti semasa dan bukan semasa Badan Berkanun Persekutuan adalah terdiri daripada komponen utama seperti pinjaman, overdraf, pembiayaan, deposit dan pendahuluan. Pada tahun 2010, liabiliti Badan Berkanun Persekutuan telah menunjukkan peningkatan sejumlah RM72.14 bilion atau 17.6% daripada RM410.27 bilion pada tahun 2009 menjadi RM482.41 bilion pada tahun 2010. Kedudukan liabiliti Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 12**  
**PERATUSAN LIABILITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN**



3.1.7.2    Kementerian Kewangan mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM446.61 bilion atau 92.6% daripada jumlah keseluruhan liabiliti Badan Berkanun Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, Bank Negara Malaysia mencatatkan liabiliti tertinggi sejumlah RM370.46 bilion yang antaranya terdiri daripada Kertas Bank Negara, deposit oleh Institusi Kewangan, deposit oleh Kerajaan Persekutuan dan deposit lain.


3.1.7.3    Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan iaitu Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan telah mengalami peningkatan liabiliti yang ketara melebihi 100% iaitu sejumlah RM1.58 juta menjadi RM2.02 juta berbanding RM0.44 juta pada tahun 2009. Punca peningkatan liabiliti disebabkan meningkatnya pembiayaan dan akruan pada tahun 2010. Selain itu, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara di bawah Kementerian yang sama turut menunjukkan peningkatan liabiliti melebihi 100% iaitu sejumlah RM273,409 menjadi RM360,300

berbanding RM86,891 pada tahun 2009. Peningkatan ini berikutan pertambahan pembiayaan pelbagai pada tahun 2010.

3.1.7.4 Penurunan ketara jumlah liabiliti ditunjukkan oleh Yayasan Tun Razak di bawah Kementerian Kewangan yang mencatatkan penurunan sejumlah RM65,822 atau 94.6% menjadi RM3,770 berbanding RM69,592 pada tahun 2009. Ini disebabkan Yayasan Tun Razak telah menyelesaikan sebahagian pembiayaan lain pada tahun 2010.

3.1.7.5 Berdasarkan analisis, pinjaman oleh Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM26.63 bilion iaitu 5.5% daripada jumlah liabiliti pada tahun 2010. Pinjaman ini telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM4.61 bilion atau 20.9% berbanding RM22.02 bilion pada tahun sebelumnya. Analisis menunjukkan 29 daripada 118 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai pinjaman setakat 31 Disember 2010. Carta berikut menunjukkan pinjaman oleh Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian:

**CARTA 13**  
**PERATUSAN PINJAMAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN**



3.1.7.6 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai pinjaman tertinggi berjumlah RM18.60 bilion atau 69.8%, diikuti oleh Kementerian Pengangkutan sejumlah RM3.32 bilion atau 12.5% dan Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM2.56 bilion atau 9.6%.

3.1.7.7 Pada tahun 2010, peningkatan pinjaman yang ketara melebihi 100% ditunjukkan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang berjumlah RM2.75 juta berbanding sejumlah RM261,451 pada tahun 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan

jumlah terhutang kepada syarikat subsidiari yang merangkumi hutang MARDI kepada MAEPS Management Sdn. Bhd. sejumlah RM2.70 juta dan Marditech Corporation sejumlah RM50,400. Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) juga memperoleh pinjaman berjumlah RM28.56 juta daripada CIMB Bank Berhad dan Affin Bank Berhad bagi tujuan menampung tambahan modal kerja PERNAMA pada tahun semasa. Kekurangan modal kerja disebabkan pembayaran dividen sejumlah RM26.25 juta dan pembinaan semula laman niaga PERNAMA di Kem Syed Sirajuddin, Gemas, Negeri Sembilan.

### **3.1.8    Analisis Tanggungan Luar Jangka**

3.1.8.1   Setakat 31 Disember 2010, sebanyak 18 daripada 118 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai tanggungan luar jangka berjumlah RM1.99 bilion dengan penurunan sejumlah RM254.88 juta atau 11.4% berbanding RM2.24 bilion pada tahun 2009. Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang mempunyai tanggungan luar jangka tertinggi berjumlah RM1.30 bilion diikuti oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia berjumlah RM185.40 juta dan Lembaga Pelabuhan Kelang berjumlah RM152.26 juta.

3.1.8.2   Tanggungan luar jangka Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang adalah disebabkan kegalannya untuk melaksanakan penswastaan projek dan ganti rugi kepada pihak ketiga yang berjumlah RM1.30 bilion. Tanggungan luar jangka Lembaga Lebuhraya Malaysia pula disebabkan tuntutan pampasan pengambilan balik tanah berjumlah RM136.50 juta dan kes sivil berjumlah RM48.90 juta. Selain itu, tanggungan luar jangka Lembaga Pelabuhan Kelang adalah disebabkan tuntutan daripada pihak ketiga berjumlah RM122.74 juta dan cukai tanah serta premium yang perlu dibayar berjumlah RM29.52 juta. Butiran lanjut mengenai 5 Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai tanggungan luar jangka tertinggi adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5  
TANGGUNGAN LUAR JANGKA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
PADA TAHUN 2009 DAN 2010**

NAMA AGENSI	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang	1,276.06	1,304.86
Lembaga Lebuhraya Malaysia	50.10	185.40
Lembaga Pelabuhan Kelang	154.31	152.26
Suruhanjaya Koperasi Malaysia	100.00	100.00
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	32.06	46.26
<b>JUMLAH</b>	<b>1,612.53</b>	<b>1,788.78</b>

### **3.2 PRESTASI PENGGUNAAN GERAN PEMBANGUNAN**

Pada tahun 2010, sebanyak 62 daripada 118 Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran pembangunan berjumlah RM9.64 bilion. Jumlah ini meningkat berbanding tahun 2009 yang mana 61 daripada 118 Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran pembangunan berjumlah RM9.42 bilion. Analisis prestasi penggunaan geran pembangunan telah dibuat terhadap 4 Kementerian yang menerima geran pembangunan tertinggi iaitu Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Baki kumpulan wang pembangunan bagi 4 Kementerian tersebut pada 31 Disember 2010 adalah berjumlah RM43.23 bilion. Analisis penggunaan geran pembangunan adalah seperti berikut:

#### **3.2.1 Kementerian Pengajian Tinggi**

Geran pembangunan yang diberi kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi adalah untuk melaksana projek pembinaan kampus tetap universiti, menaik taraf bangunan, membaik pulih peralatan, membeli kelengkapan pendidikan, peralatan makmal, penyelidikan dan meningkatkan rangkaian komunikasi maklumat. Geran pembangunan yang diterima oleh semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2010 berkurangan sejumlah RM59.57 juta atau 1.5% menjadi RM3.83 bilion berbanding sejumlah RM3.89 bilion pada tahun 2009. Universiti Teknologi MARA merupakan penerima geran pembangunan tertinggi pada tahun 2010 iaitu berjumlah RM895.57 juta berbanding RM1.23 bilion pada tahun 2009. Di samping itu, Universiti Malaysia Sabah juga menerima geran pembangunan berjumlah RM433.07 juta pada tahun 2010 berbanding RM243.40 juta pada tahun 2009. Penerimaan geran Universiti Teknologi MARA dan Universiti Malaysia Sabah adalah khusus untuk perolehan tanah dan bangunan, pembangunan kampus, kemudahan peralatan pengajaran dan penyelidikan. Baki geran pembangunan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi pada akhir tahun 2010 berjumlah RM17.85 bilion.

#### **3.2.2 Jabatan Perdana Menteri**

Pemberian geran pembangunan kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah untuk pembangunan wilayah ekonomi pantai timur, utara dan selatan. Pada tahun 2010, hanya 4 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri menerima geran pembangunan iaitu Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang. Jumlah geran pembangunan yang diterima adalah RM1.81 bilion iaitu pertambahan sejumlah RM430.23 juta atau 31.1% berbanding RM1.38

bilion yang diterima pada tahun 2009. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar menerima geran tertinggi berjumlah RM1 bilion atau 55% daripada keseluruhan jumlah geran yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Geran yang diterima adalah untuk pembiayaan projek pembangunan wilayah selatan di Johor. Baki geran pembangunan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah berjumlah RM1.38 bilion berbanding RM872.24 juta pada tahun 2009. Ini disebabkan pertambahan geran pembangunan bagi tahun semasa dan masih ada projek yang belum diselesaikan sepenuhnya serta dalam proses pelaksanaan awal.

### **3.2.3 Kementerian Pengangkutan**

Pemberian geran pembangunan kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan adalah bertujuan untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan pengangkutan kepada rakyat. Pada tahun 2010, hanya 3 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan menerima geran pembangunan iaitu Perbadanan Aset Keretapi, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Lembaga Pelabuhan Kuantan. Jumlah geran pembangunan yang diterima adalah RM1.29 bilion iaitu penurunan sejumlah RM592.49 juta atau 31.5% berbanding RM1.88 bilion yang diterima pada tahun 2009. Perbadanan Aset Keretapi menerima geran tertinggi berjumlah RM1.20 bilion atau 92.8% daripada keseluruhan jumlah geran yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. Geran yang diterima adalah untuk penyenggaraan aset Perbadanan Aset Keretapi di seluruh Malaysia. Baki geran pembangunan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan adalah berjumlah RM14.54 bilion berbanding RM13.62 bilion pada tahun 2009. Ini adalah kerana terdapat pertambahan geran pembangunan bagi tahun semasa dan masih ada projek yang belum diselesaikan sepenuhnya serta dalam proses pelaksanaan awal.

### **3.2.4 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ialah antaranya memajukan masyarakat luar bandar dalam semua bidang sosioekonomi melalui usaha pembangunan manusia dan ekonomi dengan tumpuan kepada peningkatan taraf hidup. Selain itu, program tersebut juga meliputi pembangunan industri, perumahan dan kemudahan infrastruktur. Geran pembangunan yang diterima oleh semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada tahun 2010 adalah berjumlah RM748.86 juta berbanding RM1.18 bilion pada tahun sebelumnya. Majlis Amanah Rakyat (MARA) menerima geran tertinggi berjumlah RM669.54 juta atau 89.4% daripada keseluruhan jumlah geran yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan

Luar Bandar dan Wilayah. Geran ini diterima bagi melaksanakan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan antaranya pembangunan infrastruktur perniagaan MARA serta pembinaan dan menaik taraf bangunan. Baki geran pembangunan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian ini berjumlah RM9.46 bilion pada akhir tahun 2010 belum dibelanjakan sepenuhnya disebabkan projek yang dirancang di bawah program pembangunan belum selesai dilaksanakan.

### 3.3 PRESTASI SYARIKAT SUBSIDIARI

3.3.1 Pada tahun 2010, secara keseluruhannya sebanyak 46 Badan Berkanun Persekutuan telah melabur dalam 143 syarikat subsidiari dengan pegangan ekuiti melebihi 51% berbanding 132 syarikat subsidiari pada tahun 2009. Analisis mendapati sebanyak 122 syarikat subsidiari masih beroperasi, 5 baru ditubuhkan, 6 dalam proses pembubarhan dan 10 tidak aktif.

3.3.2 Sebanyak 86 syarikat subsidiari telah mencatat keuntungan berjumlah RM1.29 bilion pada tahun 2010. Keuntungan syarikat subsidiari ini telah berkurang sejumlah RM113.54 juta atau 8.1% berbanding RM1.40 bilion pada tahun 2009. Di samping itu, sebanyak 51 syarikat subsidiari telah mengalami kerugian berjumlah RM96 juta pada tahun 2010 berbanding kerugian pada tahun 2009 berjumlah RM96.09 juta bagi 49 syarikat subsidiari. Kedudukan syarikat subsidiari yang mengalami keuntungan dan kerugian pada tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6  
KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN SYARIKAT SUBSIDIARI  
PADA TAHUN 2009 DAN 2010**

TAHUN	KEUNTUNGAN		KERUGIAN	
	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)
2009	71	1,402.81	49	96.09
2010	86	1,289.27	51	96.00

### 3.4 RUMUSAN

3.4.1 Pada tahun 2010, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan secara keseluruhannya telah meningkat. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM78.69 bilion telah meningkat sejumlah RM4.19 bilion atau 5.6% berbanding RM74.50 bilion pada tahun 2009. Daripada jumlah pendapatan tersebut, pendapatan janaan sendiri merangkumi sejumlah RM63.68 bilion atau 80.9% berbanding geran mengurus sejumlah RM15.01 bilion atau 19.1%. Selain itu, aset Badan Berkanun Persekutuan juga telah mencatat peningkatan sejumlah RM139.62 bilion atau 13.2% menjadi RM1,193.85 bilion berbanding RM1,054.22 bilion pada tahun 2009. Liabiliti Badan Berkanun Persekutuan juga telah meningkat sejumlah

RM72.14 bilion atau 17.6% daripada RM410.27 bilion pada tahun 2009 menjadi RM482.41 bilion pada tahun 2010.

3.4.2 Analisis prestasi penggunaan geran pembangunan terhadap 4 Kementerian iaitu Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menunjukkan Kementerian Pengajian Tinggi masih menerima geran tertinggi melalui Universiti Teknologi MARA sejumlah RM895.57 juta berbanding RM1.23 bilion pada tahun 2009. Baki kumpulan wang pembangunan pada 31 Disember 2010 bagi 4 Kementerian tersebut adalah RM43.23 bilion. Jumlah baki kumpulan wang pembangunan yang tinggi adalah disebabkan masih terdapat projek yang belum selesai dan dalam peringkat awal pelaksanaan.

3.4.3 Di samping itu, prestasi syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan kurang memberangsangkan berbanding tahun sebelumnya dengan keuntungan menurun sejumlah RM113.54 juta menjadi RM1.29 bilion pada tahun 2010. Bagaimanapun, syarikat subsidiari yang mengalami kerugian telah menunjukkan sedikit peningkatan prestasi kewangan dengan kerugian berjumlah RM96.09 juta pada tahun 2010 berbanding kerugian sejumlah RM96.09 juta pada tahun 2009.

# **PENUTUP**

## **PENUTUP**

Pada keseluruhannya, sebanyak 129 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan dan Kumpulan Wang Persekutuan telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2010 untuk diaudit tidak lewat dari 30 Jun 2011 seperti yang ditetapkan dalam Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Kesemua Badan Berkanun Persekutuan telah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 yang memerlukan penyata kewangan disediakan mengikut piawaian perakaunan *Financial Reporting Standards* (FRS) dan *Private Entity Reporting Standards* (PERS) berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam pekeliling berkenaan.

Prestasi penyediaan penyata kewangan tahun 2010 oleh Badan Berkanun Persekutuan dan Kumpulan Wang Persekutuan adalah baik. Sebanyak 126 daripada 129 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dan Kumpulan Wang Persekutuan bagi tahun kewangan 2010 yang diaudit telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 3 menerima Sijil Berteguran. Badan Berkanun Persekutuan menerima Sijil Berteguran kerana angka yang dipersembahkan adalah diragui, angka tidak dapat disahkan dengan rekod, pelarasan tidak disokong dengan dokumen dan sistem yang dinaik taraf masih dalam proses migrasi data. Sehubungan itu, semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan perlu mengambil tindakan dan memastikan penyata kewangan disediakan mengikut piawaian perakaunan yang ditetapkan bagi memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Badan Berkanun Persekutuan.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya.**

**8 November 2011**

**LAMPIRAN A**

**SENARAI KEMENTERIAN,  
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
DAN KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN**

## SENARAI KEMENTERIAN, BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN

### A JABATAN PERDANA MENTERI

- 1 LEMBAGA TABUNG HAJI (**LTH**)
- 2 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (**MAIWP**)
- 3 KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA  
DAN YANG DIPERTUA-YANG DIPERTUA NEGERI (**BIASISWA RAJA-RAJA**)
- 4 LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (**FELDA**)
- 5 SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (**SUHAKAM**)
- 6 LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (**PERDA**)
- 7 PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (**IRDA**)
- 8 PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (**NCIA**)
- 9 MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (**ECER**)
- 10 SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (**SPAD**)

### B KEMENTERIAN PERTAHANAN

- 11 LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (**LTAT**)
- 12 PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA (**PERNAMA**)
- 13 PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA (**PPHM**)
- 14 PERBADANAN HAL EHWAH BEKAS ANGKATAN TENTERA (**PERHEBAT**)

### C KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- 15 PERBADANAN ASET KERETAPI (**PAK**)
- 16 LEMBAGA PELABUHAN KELANG (**LPK**)

**LAMPIRAN A**

17	SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG ( <b>SPPP</b> )
18	LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN ( <b>LPKUANTAN</b> )
19	LEMBAGA PELABUHAN JOHOR ( <b>LP JOHOR</b> )
20	LEMBAGA PELABUHAN BINTULU ( <b>LP BINTULU</b> )
21	LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN ( <b>LP KEMAMAN</b> )
22	LEMBAGA PELABUHAN JOHOR TANJONG PELEPAS ( <b>LPJOHOR-TG. PELEPAS</b> )
23	SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG - TELUK EWA ( <b>SPPP - TELUK EWA</b> )
24	LEMBAGA PELABUHAN MELAKA ( <b>LPM</b> )
25	INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA ( <b>MIROS</b> )
<b>D</b>	<b>KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR</b>
26	LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERUSAHAAN TIMAH ( <b>TIMAH</b> )
27	LEMBAGA JURUKUR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA ( <b>JURUKUR</b> )
28	INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA ( <b>FRIM</b> )
<b>E</b>	<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT</b>
29	LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA ( <b>LPPKN</b> )
30	LEMBAGA WAKAF HINDU PULAU PINANG ( <b>WAKAF HINDU</b> )
<b>F</b>	<b>KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI</b>
31	PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA ( <b>MPC</b> )
32	LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA ( <b>MIDA</b> )
33	PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA ( <b>MATRADE</b> )
34	PERBADANAN PERUSAHAAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA ( <b>SME CORPORATION</b> )

<b>G</b>	<b>KEMENTERIAN KEWANGAN</b>
35	BANK NEGARA MALAYSIA ( <b>BNM</b> )
36	KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA ( <b>KWSP</b> )
37	BANK SIMPANAN NASIONAL ( <b>BSN</b> )
38	LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA ( <b>LTM</b> )
39	YAYASAN TUN RAZAK ( <b>YTR</b> )
40	LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI ( <b>LADA</b> )
41	INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA ( <b>MIA</b> )
42	LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN ( <b>LABUAN FSA</b> )
43	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA ( <b>LHDNM</b> )
44	PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ( <b>PIDM</b> )
45	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) ( <b>KWAP</b> )
46	BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD ( <b>BANK RAKYAT</b> ) - DIDAFTARKAN DI BAWAH AKTA KOPERASI
<b>H</b>	<b>KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN</b>
47	PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA ( <b>BERNAMA</b> )
48	LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA ( <b>LPSVN</b> )
49	PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA ( <b>FINAS</b> )
50	PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA ( <b>KRAFTANGAN</b> )
51	AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN ( <b>ASWARA</b> )

I	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	
52		PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL ( <b>PERKESO</b> )
53		PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN ( <b>PTPK</b> )
J	KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	
54		LEMBAGA GETAH MALAYSIA ( <b>LGM</b> )
55		LGM PROPERTIES CORPORATION ( <b>LGMPC</b> )
56		RRIM CONSULT CORPORATION ( <b>RRIM CORP</b> )
57		LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA ( <b>MPOB</b> )
58		LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA ( <b>LKTN</b> )
59		LEMBAGA KOKO MALAYSIA ( <b>KOKO</b> )
60		LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA ( <b>MTIB</b> )
61		LEMBAGA LADA MALAYSIA ( <b>MPB</b> )
K	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	
62		LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA ( <b>LKIM</b> )
63		LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG ( <b>LPP</b> )
64		LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN ( <b>FAMA</b> )
65		LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA ( <b>MADA</b> )
66		YAYASAN PELAJARAN PERSATUAN PELADANG DAN PERTUBUHAN PELADANG MADA ( <b>YP MADA</b> )
67		LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU ( <b>KADA</b> )
68		INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA ( <b>MARDI</b> )
69		LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA ( <b>LPNM</b> )

<b>L</b>	<b>KEMENTERIAN KERJA RAYA</b>
70	LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA ( <b>LLM</b> )
71	LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA ( <b>CIDB</b> )
<b>M</b>	<b>KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN</b>
72	MAJLIS SUKAN NEGARA ( <b>MSN</b> )
73	PERBADANAN STADIUM MALAYSIA ( <b>PSM</b> )
74	PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG
<b>N</b>	<b>KEMENTERIAN PELANCONGAN</b>
75	LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA ( <b>LPPM</b> )
<b>O</b>	<b>KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI</b>
76	YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN ( <b>YTAR</b> )
77	PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL ( <b>PTPTN</b> )
78	AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA ( <b>MQA</b> )
79	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ( <b>UiTM</b> )
80	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA ( <b>UKM</b> )
81	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA ( <b>UTM</b> )
82	UNIVERSITI MALAYA ( <b>UM</b> )
83	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA ( <b>USM</b> )
84	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA ( <b>UPM</b> )
85	PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA ( <b>PPUM</b> )
86	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA ( <b>UUM</b> )
87	UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK ( <b>UNIMAS</b> )

**LAMPIRAN A**

88	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH ( <b>UMS</b> )
89	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ( <b>UPSI</b> )
90	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA ( <b>USIM</b> )
91	UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA ( <b>UTHM</b> )
92	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA ( <b>UTeM</b> )
93	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU ( <b>UMT</b> )
94	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG ( <b>UMP</b> )
95	UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS ( <b>UniMAP</b> )
96	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN ( <b>UNiSZA</b> )
97	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN ( <b>UMK</b> )
98	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA ( <b>UPNM</b> )
P	<b>KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA</b>
99	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ( <b>DBP</b> )
100	KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU ( <b>KWSG</b> )
101	MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA ( <b>MPM</b> )
Q	<b>KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH</b>
102	PIHK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH ( <b>RISDA</b> )
103	LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH ( <b>KETENGAH</b> )
104	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH ( <b>KEDA</b> )
105	LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA ( <b>KEJORA</b> )
106	LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN ( <b>KESEDAR</b> )
107	MAJLIS AMANAH RAKYAT ( <b>MARA</b> )

	108	YAYASAN PELAJARAN MARA (YPM)
R		KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
	109	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)
	110	PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (PHIM)
	111	MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA (MKM)
	112	SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)
S		KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR
	113	PERBADANAN PUTRAJAYA
	114	PERBADANAN LABUAN
T		KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
	115	AKADEMI SAINS MALAYSIA (ASM)
U		KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
	116	PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (PPSPPA)
V		KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR
	117	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN)
	118	SURUHANJAYA TENAGA (ST)
W		KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
	119	LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA (LPKM)

KUMPULAN WANG

- 1 YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (**YPEIM**)
- 2 KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA (**KWAN**)
- 3 AKAUN KEBAJIKAN KAKITANGAN BANK NEGARA MALAYSIA (**SWA**)
- 4 TABUNG PENCEN LEMBAGA PESURUHJAYA MATAWANG MALAYA DAN BRITISH BORNEO (**TPLM**)
- 5 KUMPULAN WANG JUBLI PERAK PULAU PINANG DAN SEBERANG PRAI (**JUBLI PERAK**)
- 6 KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS AM - AWAM (**KWSJIA**)
- 7 AKAUN DEPOSIT INSURANS (**ADI**)
- 8 KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS HAYAT (**KWSJIH**)
- 9 KUMPULAN WANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SABAH (**BALU SABAH**)
- 10 KUMPULAN WANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SARAWAK (**BALU SARAWAK**)
- 11 MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (**MSWP**)